

Lelaki ugut bunuh wanita kena penjara 12 bulan

MIRI: Padah melakukan ugutan bunuh terhadap seorang wanita, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah meneliti semua aspek termasuk pengakuan salah tertuduh yang telah menjimatkan kos dan masa mahkamah, rayuan, fakta kes, keseriusan kes serta mengambil kira kepentingan awam.

Tertuduh, Robinson Satapa, 26, dari Quadruplex Bandar Baru Permyjaya di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga tujuh

tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh telah melakukan ugutan jenayah dengan mengugut hendak membunuh seorang wanita berusia 48 tahun.

Kesalahan dilakukan tertuduh pada jam 6 petang, 11 November lalu di sebuah rumah di Quadruplex Bandar Baru Permyjaya di sini.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 11 November lalu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.